

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD

TARIKH :

RUJUKAN : 10442

SOALAN:

PR-1353-T01650

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca-punca kebolosan kemasukan pekerja asing tanpa izin atau warga asing tanpa izin ke dalam Malaysia. Apakah tindakan Kerajaan selanjutnya dalam menyelesaikan masalah ini

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan Seksyen 8(3) Akta Imigresen yang sedang berkuatkuasa, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengawal ketat pintu-pintu masuk negara yang telah diwartakan dalam usaha menangani kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

Dari tahun 2015 hingga 30 September 2017, JIM telah menolak kemasukan seramai 216,027 orang pelawat asing yang diragui niat kemasukan dan tersenarai dalam senarai syak Jabatan.